



**MAJLIS DAERAH MACHANG,
18500 MACHANG, KELANTAN
TEL : 09-9751076**

IKLAN JAWATAN KOSONG

A. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia (lelaki/perempuan) yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Machang, 18500 Machang, Kelantan sebagaimana berikut :

1. a. Jawatan : **PENOLONG AKAUNTAN GRED W29**
- b. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- c. Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kewangan
- d. Jadual Gaji Gred W29:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	KGT
RM1,498.00	RM5,678.00	RM145.00

- e. Taraf Jawatan : Tetap
- f. Kekosongan : 1 kekosongan
- g. **SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - a. warganegara Malaysia ;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
 - c.
 - I. Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92) ; atau
 - II. *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92) ; atau
 - III. Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,776.08) ; atau

- IV. *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM2,001.68) ; atau

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- 3 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- a) mempunyai kelayakan di peranggan 1 (c) ; dan
- b) had umur pelantikan :
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 dan 56 tahun ; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun ; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan.

#####

B. **CARA MEMOHON :**

Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan MDM. 1 berharga RM3.00 yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Machang, Kelantan. Sila hantar permohonan anda ke alamat berikut :

**Yang Dipertua,
Majlis Daerah Machang,
Jalan Tok Kemuning,
18500 Machang, Kelantan.**

C. **AM**

1. Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat hendaklah mengemukakan borang permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamantan Perkhidmatan) 2009 dan pastikan dihantar bersama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang kemaskini dan **Laporan Nilain Prestasi** 2014, 2015 & 2016. Bagi bekas tentera laporan Bad D 92A dan 92D hendaklah dilampirkan. Borang permohonan yang dikemukakan tanpa Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilain Prestasi akan ditolak.
2. Tiap-tiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran Pasport, salinan-salinan kad pengenalan, Sijil Kelahiran, Ijazah, Diploma dan Sijil-sijil Persekolahan atau Dokumen/testimonial yang berkaitan yang telah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A **dan** sampul surat berukuran 22cm x 11cm beralamat sendiri serta bersetem 60 sen.
3. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas tidak akan dilayan.
4. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
5. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup permohonan, hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.
6. Pemohon bekas tentera hendaklah yang **tidak menerima pencen** sahaja.

D. **TARIKH TUTUP ;**  **Sebelum atau pada : 12hb. (Khamis) Oktober, 2017.**

.....
(MOHAMAD SANY BIN SATTAR)
Setiausaha,
Majlis Daerah Machang,

Bertarikh : 26hb. September, 2017

s.k. YDP Majlis Daerah Machang